



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**YB TAN SRI TPr. ANNUAR HAJI MUSA
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PRIHATIN RAMADAN MEDIA 1442H/2021M
BERSAMA YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**4 MEI 2021 (SELASA)
6.00 PETANG
HILTON KUALA LUMPUR**

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah s.w.t yang telah menganugerahi kita bulan Ramadan al-mubarak, bulan yang penuh keberkatan dan gandaan pahala melebihi seribu bulan yang lain. Syukur dengan izin-Nya kita dapat bersama-sama pada hari ini dalam menjayakan Majlis Prihatin Ramadan Media 1442H/2021M.

2. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/tuan/puan ke majlis yang dianjurkan oleh Kementerian dan Agensi. Hari ini merupakan hari ke-22 kita menunaikan ibadah puasa, saya mendoakan agar kita semua dianugerahkan kesihatan dan kesejahteraan diri untuk menjalani ibadah ini hingga ke akhirnya.

3. Ketibaan Ramadan di tengah pandemik COVID-19 yang masih belum selesai memerlukan kita untuk melihat bulan mulia ini dari perspektif yang betul. Ia penting supaya makna atau roh Ramadan itu terus berjaya dihidupkan meskipun dalam satu situasi yang sangat berbeza.

4. Dugaan untuk semua selepas COVID-19 serentak melanda ke seluruh dunia ternyata memberi pengajaran kepada kita. Ia secara langsung memberi kesedaran dan keinsafan pada kita semua. Semoga segala musibah melanda berakhir dan keadaan kembali tenang. Semoga virus COVID-19 ini ada penyelesaiannya.

PRIHATIN RAMADAN

5. Sama seperti Ramadan lalu, tahun ini tahun kedua negara masih diuji dengan pandemik COVID-19 yang belum ada kesudahannya. Kita berhadapan dengan suatu cabaran yang sangat besar dari sudut sosial mahu pun ekonomi. Cabaran ini merangkumi aspek kemiskinan, kesempitan hidup, akses yang terhad dalam bidang pendidikan, kesihatan dan peluang pekerjaan bagi golongan B40, miskin bandar dan asnaf. Golongan ini tidak dapat memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal.

6. Justeru, mereka ini perlu dibantu dengan pelbagai jenis kemudahan dan bantuan selain perancangan khusus agar mereka tidak ketinggalan. Pelbagai bantuan dan inisiatif yang telah dan akan Kementerian terus laksanakan bagi membantu golongan ini mencerminkan keprihatinan kerajaan sebagai usaha membantu mereka meneruskan kehidupan dalam situasi mencabar ini.

7. Inisiatif berbentuk bantuan diteruskan lagi pada bulan yang penuh barokah ini. Kita menganjurkan Prihatin Ramadan sepanjang bulan Ramadan ini yang diadakan bertujuan untuk meringankan beban perbelanjaan golongan sasaran, mengimarahkan amalah bersedekah melalui pemberian sumbangan kepada golongan yang memerlukan dan membina kesedaran masyarakat untuk lebih cakna dan prihatin membantu golongan kurang berkemampuan.

8. Jutaan terima kasih kepada Kumpulan Media Prima melalui Tabung Kemanusiaan Media Prima NSTP yang menjadi rakan strategik program Prihatin Ramadan pada tahun ini. Diharap melalui program Prihatin Ramadan ini, pihak media dapat menguar-uarkan kepada orang ramai termasuk institusi korporat dan badan-badan bukan kerajaan (NGO's) untuk sama-sama menyumbang apa jua bentuk bantuan kepada golongan B40 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

KERJASAMA STRATEGIK DENGAN MEDIA

9. Terima kasih atas komitmen yang tidak berbelah bahagi pihak media kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi di bawahnya. Ini termasuklah dari segi liputan, laporan khas, penulisan kreatif dan pelbagai lagi bentuk pelaporan yang menyalurkan maklumat yang tepat dan cepat kepada rakyat.

- Terima kasih kepada rakan-rakan media yang sentiasa menyokong, membantu dan menghebahkan mengenai produk / perkhidmatan/ program/ dasar Kementerian yang memberi manfaat kepada warga Wilayah Persekutuan.

- Penghargaan kepada semua pengamal media yang sanggup mengambil risiko kesihatan dalam membuat liputan bagi menyalurkan maklumat yang tepat kepada rakyat.

10. Adalah menjadi hasrat saya agar semua program dan inisiatif yang dilaksanakan Kementerian Wilayah Persekutuan diberikan pendedahan sewajarnya kepada masyarakat di luar sana khususnya warga Wilayah Persekutuan agar mereka tidak tercicir bagi menerima manfaat ini. Pelbagai inisiatif baharu dan yang sedia ada juga terus dilaksanakan Kementerian dalam membantu golongan terkesan dan mereka yang kurang berkemampuan serta miskin bandar di Wilayah Persekutuan.

11. Ramai lagi yang tidak tahu dan cakna akan usaha serta inisiatif dari Kementerian ini yang boleh membantu mereka bagi mengurangkan beban rakyat ketika negara sedang berdepan dengan penularan pandemik COVID-19. Justeru, kita ingin memperkukuhkan perhubungan media yang lebih akrab antara pihak Kementerian dan media dan menjalinkan kerjasama strategik bagi memastikan maklumat ini sampai dengan tepat dan efektif terus kepada kumpulan sasaran.

12. Semoga usaha murni ini dapat diteruskan pada masa akan datang agar apa sahaja dasar, perkhidmatan dan program Kementerian yang memberi manfaat kepada warga Wilayah Persekutuan dapat diterima, dihayati seterusnya disokong.

13. Kementerian juga amat mengalu-alukan pandangan daripada rakyat kepada kerajaan dan daripada kaca mata media sendiri mengenai pelaksanaan program dan inisiatif yang telah Kementerian laksanakan.

- Ini bagi memastikan program dan inisiatif yang dilaksanakan ditambahbaik dari semasa ke semasa;
- Platform suara hati rakyat agar Kementerian dapat mengambil tindakan susulan yang lebih tersasar dan menambahbaik penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat; dan
- Keprihatinan kami tidak terhenti di sini dan kami bertekad untuk terus membantu rakyat demi memastikan kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi.

ENGAGEMENT KWP DAN MEDIA

14. Kementerian juga mengalu-alukan libat urus dengan rakan-rakan media terutama dari segi pelaksanaan kempen kesedaran dan program-program yang dapat memberi manfaat besar kepada warga Wilayah Persekutuan. *Engagement* seperti ini dapat membantu menjayakan program-program kerajaan yang dilaksanakan dan sampai ke pengetahuan rakyat dengan cepat serta tepat.

15. Kombinasi persefahaman antara Kementerian dan pihak media mampu mewujudkan keserasian yang baik dan dapat memberi manfaat kepada rakyat. Kami di Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi membuka seluas-luasnya peluang dan ruang untuk kerjasama erat ini.

PATUH SOP DAN AMBIL VAKSIN

16. Setelah lebih setahun negara menghadapi pandemik COVID-19, kita masih belum menang. Ada banyak lagi fasa yang perlu dilalui walaupun Malaysia sekarang ini berada dalam Program Imunisasi Kebangsaan (PIK). Perlu diingatkan bahawa COVID-19 masih ada dalam komuniti kita. Oleh sebab itulah, jumlah kes baharu masih lagi mencecah pada paras empat angka walaupun vaksin COVID-19 sudah berjaya dimiliki.

17. Statistik Kementerian Kesihatan menunjukkan jangkitan COVID-19 ada pasang surutnya. Justeru untuk memastikan virus ini ditangani, kita harus sama-sama patuh SOP yang ditetapkan. Masyarakat perlu sentiasa patuh kepada saranan KKM dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) supaya kita semua kekal di rumah jika bergejala, tidak bergejala atau tiada keperluan mendesak untuk keluar. Jika terpaksa keluar sekalipun, patuhi prosedur operasi standard (SOP) dan amalkan norma baharu setiap masa.

18. Dikesempatan ini, saya menyeru kepada tuan-tuan semua yang juga **Frontliners** dalam menyebarkan maklumat yang tepat dan cepat kepada rakyat, wajarlah mendaftar untuk mendapatkan suntikan vaksin.

PENUTUP

19. Sebagai umat Islam, marilah kita mengambil hikmah dan bermuhasabah daripada ujian yang sedang melanda kita ini, jadilah masyarakat yang bertanggungjawab, berdisiplin dalam memelihara diri setiap masa dan sentiasa bertawakal kepada Allah swt.

20. Sesungguhnya Ramadan bersama pandemik COVID-19 ini adalah medan terbaik untuk menguji kekuatan diri bagi menghadapinya dengan penuh bermakna.

Sekian, terima kaih. Ramadan Al Kareem